

Dr. Mahathir: Jauhi amalan politik wang, guna samseng

18/06/04 MGS UAN

LANGKAWI 17 Jun — Tun Dr. Mahathir Mohamad berharap semua ahli UMNO yang mahu bertanding pada pemilihan bahagian bulan depan supaya menjauhi amalan politik wang mahupun penggunaan samseng.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, apa yang penting ialah proses pemilihan itu berjalan lancar.

“Saya harap tidak ada berlaku politik wang dan juga gangsterisme.

“Sama ada benar ia berlaku atau tidak, saya harap tidak ada tuduh-menuduh,” katanya pada sidang akhbar selepas mempeperusikan Dialog Kedah Maju 2010 di Langkawi Lagoon Resort, di sini hari ini.

Ketika diminta mengulas mengenai hasrat anaknya, Mukhriz untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO bahagian Kubang Pasu, beliau berkata, ia urusan anaknya itu dan tidak mahu mencampurinya.

Menurut Dr. Mahathir, anaknya itu telah banyak berkorban semasa beliau menjadi Perdana Menteri dengan tidak bertanding jawatan politik.

“Semasa saya jadi Perdana Menteri, saya tidak bagi anak saya terlibat (dalam politik kerana) nak jaga nama baik saya. Jadi saya suruh anak saya berkorban untuk kepentingan saya, tapi tak bolehlah suruh korban sampai bila-bila,” katanya.

Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu sebelum ini disandang oleh Dr. Mahathir sebelum beliau bersara daripada kerajaan dan politik pada Oktober tahun lalu.